

pendapat

Oleh Prof Madya Dr Azmawani Abd Rahman

Ahli Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan Tinggi Malaysia (PenDaPaT)



Pengurusan risiko demi kelestarian universiti

➔ Pendekatan ini perlu dibangunkan sebagai agenda penting universiti

Selari dengan arus perubahan global pendidikan tinggi, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), dalam lonjakan enam, menekankan aspek perubahan kepada model autonomi ke arah menjayakan transformasi pendidikan tinggi di Malaysia, khususnya universiti awam (UA).

Model autonomi bermakna universiti diberi pemerksaan dalam governan dan tadbir urus, hak membuat keputusan yang lebih meluas, namun perlu mengamalkan akauntabiliti yang tinggi.

Dalam model ini, UA juga perlu bersedia menangani dengan cekap pengurangan kebergantungan kepada sumber kewangan daripada kerajaan dan memastikan bahawa pemegang taruh memainkan peranan lebih dinamik dalam menjana dana demi untuk memastikan kelestarian

sistem kewangan pendidikan tinggi.

Ini bermakna, pengurusan risiko dalam governan universiti menjadi aspek yang amat penting dalam memastikan universiti mempunyai tadbir urus yang lebih efisien, proaktif, dan inovatif. Pengurusan risiko yang berkesan memerlukan proses yang berstruktur, konsisten, bermula dengan sokongan dan mandat daripada pengurusan atasan.

Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan (KPM) melalui Buku Hijau Pelan Transformasi Universiti, memberi panduan dan penekanan terhadap peranan Lembaga Pengurusan Universiti (LPU) dalam aspek pengurusan risiko universiti.

Lebih produktif

Seterusnya, dasar pengurusan risiko universiti perlu dibangunkan bagi mengsaikan komitmen pengurusan atasan dalam menjadikan pengurusan risiko sebagai agenda penting universiti. Pembentukan jawatankuasa dan Garis Panduan Pengurusan Risiko kemudiannya perlu diwujudkan sebagai rujukan kepada semua peneraju dan pusat tanggungjawab dalam menguruskan setiap aktiviti serta proses kerja.

Perubahan pantas terhadap persekitaran luaran



Kegagalan meramal perubahan sosiodemografi, jangkaan pelajar, ibu bapa, industri dan masyarakat terhadap peranan universiti boleh menjadi punca sesebuah universiti berisiko untuk tidak berupaya mencapai matlamat yang disasarkan dengan lebih berkesan”

adalah faktor utama mengapa pengurusan risiko menjadi semakin penting dalam landskap sektor pengajian tinggi. Sebagai contoh, kemajuan teknologi dan gelombang Industri 4.0 memerlukan universiti untuk mengubah suai sistem pengajaran dan pembelajaran sedia ada dan program yang ditawarkan agar penyampaian menjadi lebih produktif dan graduan yang dihasilkan akan sentiasa relevan dan signifikan kepada industri serta masyarakat.

Ketidakstabilan ekonomi dan perubahan kepada polisi serantau atau antara bangsa juga boleh mengakibatkan persaingan yang sengit dan halangan yang tinggi untuk universiti mencapai matlamat yang disasarkan.

Kegagalan meramal perubahan sosio demografi, jangkaan pelajar, ibu bapa, industri, dan masyarakat terhadap peranan universiti juga boleh menjadi punca sesebuah universiti berisiko untuk tidak berupaya mencapai matlamat yang disasarkan dengan lebih berkesan.

Oleh yang demikian, universiti perlu melihat sejurus masa hadapan atau meramal persekitaran masa hadapan dalam pembuatan keputusan. Ini boleh dicapai melalui kaedah pengurusan risiko

yang berkesan. Amalan pembuatan keputusan secara mengejut (ad hoc) dan tidak bersandarkan kepada maklumat yang tepat dan lengkap tidak boleh lagi digunakan dalam landskap persaingan masa kini.

Kajian penulis dalam bidang pengurusan risiko menunjukkan kaitan amat positif antara pengurusan risiko yang berkesan dengan prestasi cemerlang sesebuah organisasi perniagaan. Ini kerana organisasi yang mengamalkan pengurusan risiko melaksanakan proses mengenalpasti pelbagai jenis risiko secara berstruktur.

Proses mengenalpasti punca risiko adalah proses apabila perkara yang boleh menyebabkan berlakunya halangan dalam mencapai matlamat organisasi dienal pasti dan didaftarkan. Risiko ini boleh diklasifikasi dari pelbagai aspek seperti risiko operasi, risiko strategik, risiko kewangan, dan risiko ketidakpatuhan, dan risiko keselamatan dan alam sekitar.

Strategi mitigasi

Seterusnya, setiap risiko itu diukur tahapnya melalui penentuan impak kepada organisasi sekiranya perkara berkenaan berlaku dan tahap kebarangkalian ia berlaku. Dalam keadaan di mana tahap risiko

adalah tinggi, organisasi perlu melaksanakan strategi mitigasi untuk mengurangkan kesan risiko kepada organisasi.

Beberapa pilihan strategi perlu dikemukakan sebagai langkah mengurangkan kesan risiko dan kesan yang tidak diingini dalam mencapai matlamat yang disasarkan.

Walaupun pengurusan risiko menjadi amalan kebanyakan sektor korporat yang cemerlang, kajian berkaitan pengurusan risiko di institusi pengajian tinggi amat kurang berbanding dengan kajian di sektor korporat, justeru, kajian pengurusan risiko di universiti dalam bentuk kajian kes atau bukti empirikal amat diperlukan sebagai rujukan dan panduan.

UA pada masa kini sentiasa perlu mendepani pelbagai cabaran dan ketidaktentuan dalam persekitarannya. Untuk terus lestari dan mampu berdaya saing pada peringkat global, pengurusan universiti perlu tahu bagaimana untuk menangani sebarang kemungkinan yang boleh memberi kesan negatif kepada matlamat, misi, dan visinya.

* Penulis juga Pengarah, Pejabat Korporat Strategi dan Komunikasi (CosComm), Universiti Putra Malaysia (UPM).